

Templat bagi Dasar Privasi untuk Aplikasi Shell yang tidak ditujukan kepada pelanggan runcit - Apps B2B

Dasar Privasi Shell Cards Online

Kami menghormati privasi setiap orang yang memuat turun Shell **Cards Online (“App”)**. Sila baca Dasar Privasi kami dengan teliti supaya anda boleh memahami bagaimana kami mengumpul dan menggunakan maklumat peribadi yang anda berikan kepada kami. Dengan memuat turun App dan mengemukakan data peribadi anda kepada kami, anda akan dianggap sebagai telah memberi kebenaran untuk pendedahan yang disebut dalam polisi ini, jika perlu

Dasar Privasi ini menyediakan maklumat mengenai pemprosesan data peribadi anda sekiranya anda: (i) salah seorang pelanggan kami; dan / atau (ii) pengguna App yang disediakan oleh Shell Malaysia Trading Sdn Bhd atau salah satu daripada Anggota Gabungannya (“Shell”).

Dasar Privasi ini mungkin diubah dari masa ke semasa. Anda dinasihatkan untuk menyemak Dasar Privasi ini untuk sebarang perubahan.

1. Bilakah Dasar Privasi ini digunakan?

Dasar Privasi ini boleh digunakan semasa memproses data peribadi anda sekiranya anda: (i) salah seorang pelanggan kami; (ii) pengguna App. ***[App ini hanya disediakan untuk individu yang telah dilengkapi dengan kelayakan log-masuk setelah mendaftar sebagai pengguna aplikasi web SCOL dan tidak boleh digunakan oleh orang lain. Hanya pengguna-pengguna dengan ID log-masuk akan dapat menggunakan aplikasi web SCOL.]***

2. Siapa yang mengawal data anda?

SHELL Malaysia Trading Sdn Bhd akan mengawal data peribadi anda

3. Apakah maklumat yang akan dikumpul dan diproses?

Kami mengumpul dan memproses data peribadi anda dengan cara-cara berikut:

Maklumat yang anda kemukakan kepada Shell apabila memuat turun App dan/atau apabila mendaftar untuk mendapatkan khidmat dari Shell, seperti nama anda, pekerjaan dan afiliasi anda, alamat emel kerja anda, nombor telefon tempat kerja anda.

Maklumat yang kami terima semasa anda mengguna App, seperti bagaimana anda menggunakan dan berinteraksi dengan App serta maklumat log masuk juga akan dikumpul dan disimpan di dalam log server. Maklumat ini termasuk maklumat tentang peranti anda serta pengenalan unik peranti anda.

4. Kenapa kami perlu memproses data peribadi anda?

4.1 **Operasi App** – kami memproses data peribadi anda untuk membolehkan kami menyediakan fungsi-fungsi App tersebut [termasuk Pesanan Kad, Penyekatan Kad (biasa dan sementara), Pembatalan Kad, Laporan Transaksi, Senarai Kad, Email Laporan Maklumat, Laporan Gambaran Keseluruhan Invois, Kawalan Lanjutan (Real Time), laman eInvois (ATOS), Pencari laman]

4.2 **Perkhidmatan sokongan dan pengurusan perhubungan** - Jika anda menghubungi Shell dengan soalan atau aduan mengenai App, kami mungkin meminta maklumat tertentu untuk mengenal pasti diri anda dan untuk membantu kami bertindak balas kepada pertanyaan anda. Kami menggunakan apa-apa data peribadi yang diberi hanya untuk tujuan ini dan untuk meningkatkan perkhidmatan sokongan pelanggan kami.

- 4.3 Pembangunan dan penambahbaikan produk dan perkhidmatan** - Shell mungkin menjalankan penyelidikan pasaran mengenai operasi App melalui penggunaan kaedah kaji selidik. Kami menggunakan jawapan yang anda berikan melalui kaji selidik ini untuk penilaian kualiti dan untuk meningkatkan pengalaman anda apabila menggunakan App.
- 4.4 Pengurusan teknikal dan fungsi App** - Apabila anda memuat turun dan/atau menggunakan App, kami memproses beberapa maklumat teknikal mengenai anda (seperti alamat IP anda) untuk menyediakan kefungsi App. Kami menguruskan App dengan maklumat teknikal ini, sebagai contoh untuk menyelesaikan kegagalan teknikal atau untuk meningkatkan kebolehpercayaan App.
- 4.5 Tawaran mengenai produk dan perkhidmatan Shell** - Sebagai pelanggan dan pengguna App kami, anda boleh menerima tawaran dan maklumat mengenai produk Shell, perkhidmatan, acara dan promosi melainkan anda telah memaklumkan kepada kami bahawa anda tidak mahu menerima komunikasi selanjutnya. Tawaran ini mengenai Shell produk, acara dan promosi boleh termasuk tetapi tidak terhad kepada surat berita elektronik atau mesej yang dihantar melalui App.
- 4.6 Mencegah, mengesan dan menyiasat penipuan** - Apabila menggunakan App, Shell boleh meminta maklumat tertentu untuk mengenal pasti diri anda dan Shell boleh mengumpul maklumat transaksi sekiranya App menawarkan fungsi pembayaran. Shell boleh menggunakan data peribadi yang anda berikan untuk mencegah, mengesan dan menyiasat penipuan dan menguatkuasakan Terma dan Syaratnya.

5. Siapa yang boleh mengakses data anda?

Shell menggunakan khidmat pihak ketiga untuk operasi pemprosesan tertentu. Data peribadi yang dikumpul boleh dipindahkan kepada pihak ketiga yang telah diberi kuasa, yang mungkin terletak di luar Kawasan Ekonomi Eropah (EEA) sebagai sebahagian daripada perkhidmatan yang ditawarkan kepada anda. Walaupun pihak ketiga ini mempunyai akses kepada data peribadi untuk melaksanakan pemprosesan ini, Shell telah mengambil langkah-langkah kontraktual dan/atau organisasi yang diperlukan untuk memastikan bahawa data peribadi anda diproses secara eksklusif bagi maksud yang disebut di atas dan bahawa tahap perlindungan yang mencukupi telah dilaksanakan untuk melindungi data peribadi anda.

Kecuali daripada apa yang dinyatakan di dalam Dasar Privasi ini, kami tidak akan mendedahkan data peribadi anda tanpa kebenaran melainkan kami mempunyai hak atau dikehendaki melakukannya atau sekiranya kami percaya tindakan kami adalah perlu untuk perlu untuk melindungi dan/atau mempertahankan hak-hak kami, harta atau keselamatan peribadi pengguna/pelanggan kami atau individu lain. Shell hanya akan memberikan data peribadi anda kepada agensi-agensi penyeliaan, pihak berkuasa fiskal dan agensi-agensi penyiasatan, hanya jika diperlukan oleh undang-undang.

6. Berapa lamakah data peribadi anda akan disimpan?

Data peribadi anda akan diproses selama anda menjadi pengguna App dan untuk beberapa masa selanjut dari tempoh itu. Kami akan menutup akaun anda (jika bersesuaian) secepat mungkin setelah hubungan komersial anda dengan Shell berakhir. Kami akan menutup atau menyahaktifkan akaun yang melanggar Dasar Privasi ini atau Terma dan Syarat yang berkenaan.

7. Perkongsian kandungan melalui media social

Jika anda memilih untuk berkongsi kandungan melalui media sosial seperti LinkedIn, Facebook dan/atau Twitter, data peribadi anda juga akan dapat dilihat oleh semua pengunjung laman web peribadi anda di LinkedIn, Facebook dan/atau Twitter. Didalam hal ini, hanya terma dan syarat (termasuk dasar privasi) laman web media sosial dikenakan. Shell tidak bertanggungjawab untuk memproses data peribadi atau dasar privasi laman web media sosial tersebut, dan oleh itu Dasar Privasi ini tidak digunapakai.

8. Data peribadi individu-individu yang lain

Apabila menggunakan App dengan cara yang melibatkan pemprosesan data peribadi individu lain, khususnya apabila menyiarkan catatan feed, teks dan/atau melalui apa-apa fungsi lain daripada App, anda tidak dibenarkan untuk menyiarkan dan/atau mengeuarkan catatan feed apa-apa maklumat peribadi sensitif individu itu, termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat tentang kesihatan mereka, asal-usul etnik atau kaum, agama atau kepercayaan politik. Setakat yang munasabah, anda perlu memastikan bahawa anda mendapat persetujuan daripada individu-individu ini sebelum membuat catatan feed didalam talian yang melibatkan data peribadi mereka.

9. Bagaimana kami melindungi data peribadi anda?

Kami telah mengimplimentasi teknologi dan dasar-dasar yang bertujuan untuk melindungi privasi anda daripada akses yang tidak dibenarkan dan penggunaan yang tidak betul.

10. Kepada siapakah harus diajukan sebarang soalan atau permintaan akses?

Kami berhasrat untuk memastikan data kami tentang anda adalah setepat yang mungkin. Jika anda ingin menyemak, mengubah atau memadamkan maklumat yang telah anda berikan kepada kami, sila hantarkan permintaan anda ke generalcardrequests-my@shell.com.

11. Privasi Kanak-kanak

App ini bukan bertujuan untuk kanak-kanak di bawah umur tiga belas tahun dan kami tidak mengumpul maklumat peribadi daripada kanak-kanak di bawah umur tiga belas dalam konteks App ini dengan sengaja. Jika kami menyedari bahawa kami telah secara tidak sengaja menerima data peribadi seseorang di bawah usia tiga belas tahun, data peribadi tersebut tidak akan diproses selanjutnya.